

**D.R. 6/2024**

## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Polis 1967.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

### **Tajuk ringkas**

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Polis (Pindaan) 2024.

### **Seksyen baharu 6A**

**2.** Akta Polis 1967 [*Akta 344*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6 seksyen yang berikut:

#### **“Honorary Commissioner-in-Chief**

**6A.** The Yang di-Pertuan Agong shall be the Honorary Commissioner-in-Chief of the Royal Malaysia Police.”.

### **Pindaan seksyen 17**

**3.** Subseksyen 17(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “one hundred ringgit” dengan perkataan “five thousand ringgit”.

**Pindaan seksyen 21**

**4.** Seksyen 21 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memotong perkataan “and” di hujung perenggan (b);
- (ii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan noktah dengan perkataan “; and”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:  
“(d) to conduct any escort duty.”; dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “two hundred ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three months” dengan perkataan “ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years”.

**Pindaan seksyen 26**

**5.** Subseksyen 26(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “one thousand ringgit” dengan perkataan “two thousand ringgit”.

**Pindaan seksyen 66**

**6.** Subseksyen 66(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months” dengan perkataan “two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year”.

**Seksyen baharu 74A**

**7.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 74 seksyen yang berikut:

**“Power to investigate offences against discipline**

**74A.** (1) Any police officer not below the rank of Sergeant shall have power to conduct an investigation into any offence against discipline under this Act.

(2) The police officer conducting an investigation under subsection (1) may—

- (a) gather any evidence and examine any person that he considers necessary;
- (b) require any person to attend before him to give evidence or produce any document or other things in his possession; or
- (c) take any action as may be necessary to obtain further clarification on matters relating to the offences against discipline under his investigation.”.

**Pindaan seksyen 86**

**8.** Subseksyen 86(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “twenty-one days” dengan perkataan “fourteen days”.

**Pindaan seksyen 94**

**9.** Seksyen 94 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “five hundred ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months” dengan perkataan “five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year”.

**Pindaan Jadual Pertama**

**10.** Jadual Pertama kepada Akta ibu dipinda dalam butiran 1 dengan memotong perkataan “Senior Inspector”.

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Polis 1967 (“Akta 344”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 6A ke dalam Akta 344 untuk memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Pesuruhjaya Yang Dipertua Kehormat Polis Diraja Malaysia.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta 344 untuk menaikkan denda maksimum daripada satu ratus ringgit kepada lima ribu ringgit bagi kesalahan di bawah peruntukan itu yang berkaitan dengan seseorang pegawai polis yang telah terhenti menjadi anggota Pasukan Polis tetapi tidak menyerahkan kepada orang yang dilantik oleh Ketua Polis Negara atau kepada pegawai polis yang menjaga mana-mana bahagian Polis Diraja Malaysia perakuan pelantikannya, senjata, amunisi, peralatan, pakaian seragam dan kelengkapan lain yang dibekalkan kepadanya.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 344 untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan pegawai polis untuk melaksanakan kewajipan mengiring di mana-mana jalan awam dan untuk menaikkan denda maksimum daripada dua ratus ringgit kepada sepuluh ribu ringgit dan pemenjaraan daripada tiga bulan kepada dua tahun bagi kesalahan di bawah peruntukan itu yang berkaitan dengan mana-mana orang yang menggalang, menentang atau melanggar apa-apa arahan yang munasabah yang diberikan oleh mana-mana pegawai polis.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 26 Akta 344 untuk menaikkan denda maksimum daripada satu ribu ringgit kepada dua ribu ringgit bagi kesalahan di bawah peruntukan itu yang berkaitan dengan mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa isyarat yang munasabah yang diberikan oleh seseorang pegawai polis yang menghendaki mana-mana orang atau kenderaan untuk berhenti sebelum menghampiri apa-apa sekatan yang dibina atau diletakkan oleh mana-mana pegawai polis.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 66 Akta 344 untuk menaikkan denda maksimum daripada satu ribu ringgit kepada dua ribu ringgit dan pemenjaraan daripada enam bulan kepada satu tahun bagi kesalahan di bawah peruntukan itu yang berkaitan dengan mana-mana majikan yang tidak mengambil kerja semula mana-mana pegawai polis simpanan.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 74A ke dalam Akta 344 untuk memberi pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Sarjan kuasa untuk menyiasat kesalahan tatatertib di bawah Akta 344. Pegawai polis yang menjalankan penyiasatan itu boleh mengumpul apa-apa keterangan dan memeriksa mana-mana orang yang difikirkannya perlu, menghendaki mana-mana orang supaya hadir di hadapannya untuk memberikan keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain dalam milikannya atau mengambil apa-apa tindakan yang perlu untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara yang berhubungan dengan kesalahan tatatertib yang dalam penyiasatannya.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 86 Akta 344 untuk memperuntukkan bahawa seseorang pegawai polis yang tidak hadir bertugas selama tempoh empat belas hari berterusan tanpa sebab yang munasabah hendaklah disifatkan telah membolos dan melakukan suatu kesalahan.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 94 Akta 344 untuk menaikkan denda maksimum daripada lima ratus ringgit kepada lima ribu ringgit dan pemerjaraan daripada enam bulan kepada satu tahun bagi penalti am bagi sesuatu kesalahan yang baginya tiada apa-apa penalti diperuntukkan dengan nyata di bawah Akta 344.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta 344 untuk memotong sebutan tentang Inspektor Kanan memandangkan Inspektor Kanan tidak lagi digunakan dalam pangkat Polis Diraja Malaysia.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3340]